



## **Opening Speech**

**By**

**Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman Bin Mohamad,  
Deputy Minister of Works, Malaysia**

**Asset and Project Management Conference  
(APMC) 2023**

**8 June 2023  
Eastin Hotel, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia**

## **SALUTATION**

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad Redza Bin Ghulam Rasool,  
Director General, Public Works Department (PWD), Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman,  
President of The Malaysian Asset and Project Management Association (MAPMA)

Yang Berusaha Ir. Vekneswaran T. Arasappan  
Managing Director, Edgenta Greentech Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dato' Ir. Abdullah bin Abd. Rahman  
Vice President 1, MAPMA

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Distinguished Speakers, Moderators, Panelists, Guests, Media Representatives and Participants,

Assalamualaikum & Salam Sejahtera  
Salam Malaysia MADANI

Ladies and Gentlemen,

1. Alhamdulillah, let us extend our sincere gratitude to Allah S.W.T for giving us the opportunity to be here today for the Asset and Project Management Conference (APMC) 2023. I am honoured to have the opportunity to address such a distinguished audience.
2. In conjunction with Dato' Sri Ismail Sabri's (PM 9) speech at the 7th Drone World Congress in Shenzhen earlier this week which was delivered in Malay, and our Prime Minister, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim's call for his government to 'memartabatkan Bahasa Melayu'. Please allow me to continue the speech in Malay.
3. Pertama sekali, saya ingin megucapkan tahniah kepada penganjur atas usaha mereka dalam menjayakan persidangan ini demi menggalakkan kecemerlangan dalam pengurusan Aset dan Projek di Malaysia. Saya berbangga menyatakan bahawa APMC telah berkembang menjadi acara antarabangsa yang hebat.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

## **TRANSFORMASI BUDAYA PENYELENGGARAAN DI MALAYSIA**

4. Tema bagi APMC 2023, "**Transforming Maintenance Culture for Asset Sustainability**" atau "**Mentransformasikan Budaya Penyelenggaraan Demi Kelestarian Aset**" sememangnya tepat pada masanya dan penting dalam mengubah cara pemikiran kita ke arah menilai kitaran hayat aset dengan berkesan dan cekap, mengoptimumkan faedah ekonomi dan sosialnya serta meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Usaha bagi mengubah budaya penyelenggaraan memerlukan dasar penyelenggaraan yang baik, pasukan pengurusan peringkat tertinggi yang komited, profesional yang mahir, serta komitmen berorganisasi secara menyeluruh.

5. Pada ketika dunia menghadapi pelbagai cabaran seperti perubahan iklim dan kemerosotan sumber, terdapat keperluan yang semakin meningkat supaya infrastruktur yang didirikan adalah lebih mampan dan berdaya tahan. Kejuruteraan kemampunan ialah pendekatan holistik yang menangani isu alam sekitar, sosial dan ekonomi dalam reka bentuk infrastruktur, pembinaan dan penyelenggaraan. Saya merasakan persidangan ini tepat pada masanya dan penting untuk menangani isu semasa yang dihadapi oleh Malaysia berkaitan dengan penyelenggaraan dan kelestarian asset dan infrastruktur di negara kita.
  
6. Malaysia mempunyai infrastruktur serta aset yang dibangunkan dengan baik yang telah dibangunkan selama ini selaras dengan Rancangan Malaysia yang diperbaharui setiap 5 tahun. Infrastruktur dan aset tersebut semakin dimamah usia dan oleh itu, perlu diselenggara dengan secukupnya untuk memastikan kebolehfungsian jangka panjangnya. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan impak kos yang tinggi pada masa hadapan atau mengakibatkan keperluan untuk memulihkan atau menggantikannya. Oleh itu, keutamaan harus diberikan kepada pengurusan penyelenggaraan infrastruktur dan aset ini dengan menyediakan sumber yang mencukupi, terutamanya, dari segi belanjawan penyelenggaraannya.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Objektif APMC 2023 adalah untuk menyediakan sebuah platform yang berfungsi sebagai platform utama bagi para profesional yang dihormati dan pakar terkemuka dalam bidang pengurusan aset dan projek untuk bersidang dan berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka. Para peserta akan mempunyai banyak peluang untuk terlibat dalam perbincangan yang mendalam dan bertukar-tukar idea mengenai topik-topik yang berkaitan dalam bidang Pengurusan Aset ataupun Total Asset management (TAM).
8. Persidangan hari ini diadakan sempena dengan Global Maintenance Day (GMD) ataupun Hari Penyelenggaraan yang julung kalinya diadakan di Malaysia, di bawah naungan pertubuhan antarabangsa, Global Forum on Maintenance and Asset Management (GFMAM). Saya berbesar hati memaklumkan bahawa “The Malaysian Asset and Project Management Association” (MAPMA) telah diterima sebagai ahli GFMAM sejak tahun 2021. Saya percaya melalui organisasi antarabangsa ini, MAPMA dapat mengikuti perkembangan amalan terbaik semasa dalam Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset peringkat global dan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia.

9. Konsep “Malaysia Madani” menekankan bahawa Kerajaan komited dalam usaha bagi merancakkan pembangunan sosio-ekonomi negara untuk kemampanan jangka masa panjang sambil menghadapi pelbagai cabaran di peringkat domestik dan global. Bagi memperkasakan komitmen ini, dan dengan menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi infrastruktur, kerajaan telah menggubal Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

## **KOMITMEN KERAJAAN DALAM PENGURUSAN ASET – HALA TUJU MASA HADAPAN**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

10. DPAK yang telah diperbaharui pada tahun 2021 bertujuan untuk menyediakan panduan yang sistematik, holistik dan mampan bagi pengurusan aset dan infrastruktur Kerajaan demi memanjangkan jangka hayatnya, di samping memberikan keselesaan dan meningkatkan keselamatan bagi penggunanya. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan menyediakan pelbagai peruntukan tahunan kepada pelbagai agensi yang terlibat demi tujuan penyelenggaraan aset awam.

11. Berdasarkan laporan pemantauan prestasi perbelanjaan peruntukan pada tahun 2022, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan kira-kira **RM200 juta untuk penyelenggaraan Bangunan Persekutuan dan RM1.2 bilion untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan**. Dari segi pembangunan pula, Jabatan Kerja Raya Malaysia pada tahun 2022 telah melaksanakan **234 projek Persekutuan untuk bangunan, jalan raya dan kerja-kerja infrastruktur dengan jumlah kos keseluruhan bernilai RM5.57 bilion**.
  
12. Kementerian Kerja Raya merupakan peneraju utama dalam usaha bagi memastikan pengurusan projek dan aset yang terbaik serta kecemerlangan kejuruteraan yang berkesan di negara ini. Namun begitu, industri pembinaan merupakan salah satu sektor utama yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Akibat kemerosotan yang dialami oleh industri pembinaan tempatan dan penurunan permintaan di peringkat global, fokus terhadap pengurusan aset juga telah terjejas. Dalam usaha untuk melangkah ke hadapan, saya menyeru anda semua yang hadir di sini hari ini untuk turut serta dalam perjalanan ini bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya dalam mengambil langkah-langkah berikut bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan aset dan projek yang baik :

- o Pertama, Pemain industri tempatan untuk berusaha bersama-sama dengan Kerajaan untuk menggunakan pendekatan proaktif supaya aset awam dapat dikenalkan menggunakan penyelesaian yang lebih kos efektif;
- o Kedua, memperkasakan kecekapan dan meningkatkan kapasiti dalam Pengurusan Aset dan Projek dengan mengukuhkan profesional pelbagai disiplin dalam industri pembinaan khususnya, jurutera, arkitek, juruukur bahan dan juruukur bangunan;
- o Ketiga, pusat pengumpulan data bagi memantau aset Kerajaan yang perlu dipertingkatkan dan memastikan Pengurusan Aset adalah berdasarkan data masa nyata, tepat dan komprehensif bagi membantu pembuatan keputusan yang pantas, tepat dan berkesan; dan
- o Keempat, penggunaan teknologi digital untuk diguna pakai secara meluas bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek dalam pembinaan dan penyelenggaraannya selepas diserahkan seperti “Building Information Modeling (BIM)”.

13. Bagi meneruskan promosi inisiatif Pengurusan Aset dan Projek di Malaysia, KKR melalui Dasar Pembinaan Negara 2030 telah menjadikan penyelenggaraan sebagai salah satu daripada 6 teras utama dan ia akan diperincikan dalam Dasar Senggara Aset dan Infrastruktur Negara (DSAIN2030). DSAIN2030 yang sedang dibangunkan akan menjadi panduan kepada perlaksanaan penyelenggaraan aset dan infrastruktur di masa hadapan dan akan membantu pengurusan projek di lapangan.

## **PENUTUP**

14. Saya faham bahawa mengemukakan pelan dan strategi baharu untuk pengurusan projek dan aset seperti yang saya kongsikan merupakan suatu cabaran yang besar. Tetapi ia adalah satu keperluan, dalam membentuk dan melakukan transformasi yang ketara dalam usaha memanfaatkan sepenuhnya keseluruhan kitaran hayat aset.

15. Dengan itu, saya mendoakan kejayaan yang cemerlang bagi APMC 2023 dan saya berharap ia akan mencapai objektifnya untuk menjadi platform utama bagi pemain tempatan dan antarabangsa dalam bidang pengurusan aset dan projek bertukar pendapat dan meluaskan rangkaian. Adalah menjadi hasrat saya agar setiap ahli industri - kontraktor, perunding, penggubal dasar, pengendali aset dan pemilik aset bekerjasama sambil kita belajar antara satu sama lain dan menerima usaha ini.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua penceramah, moderator, panelis, tetamu, wakil media dan peserta yang saya hormati. Saya pasti bahawa kesimpulan daripada persidangan ini akan memperdalam pemikiran kita dan menjana manfaat besar untuk masa depan Pengurusan Aset atau Total Asset Management (TAM).
17. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penaja, pempamer dan pengiklan yang sepenuh hati memberikan sokongan sepanjang persidangan ini.

18. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua yang menyertai persidangan ini. Kini, tanpa berlengah lagi, dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini mengisyiharkan **“Asset and Project Management Conference 2023”** dibuka secara rasmi.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Thank You.**